



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**25 Januari 2021
12 Jamadilakhir 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Peniaga pasar terkesan PKP
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• 100 guni RM 150,000.00 Lelaki cuba seludup benih kerang ke negara Jiran• Bangkai anak ikan yu paus
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan ceroboh guna bot pendaftaran palsu
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Yu paus 1.5 tan ditemui mati, sirip dipotong
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sin Chew Daily	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				30	28/1/21
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL					

Peniaga pasar terkesan PKP

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilanjutkan di negeri ini sehingga 4 Februari depan memberi kesan kepada golongan peniaga pasar tani sehingga menjaskan pendapatan harian mereka.

Tinjauan yang dibuat di pasar tani di Larkin di sini mendapati rata-rata peniaga mengeluh dengan waktu operasi mereka dibenarkan bermula yang dilihat terlalu singkat.

Menurut peniaga, Azmi Abu Bakar, 47, kesan yang dialami amat ketara lebih-lebih lagi jumlah pengunjung yang masuk ke kawasan pasar dihadkan dan dibuat secara berperingkat bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) penjarakan fizikal dilakukan.

Katanya, sekatan masa ini juga membuatkan pelanggan berkira-kira untuk ke sini, tambahan pula mereka diberikan masa 15 minit sahaja untuk berada di dalam kawasan ini bagi membuat pembelian.

"Sejak PKP kembali dilaksanakan di negeri ini, hasil jualan turut terjejas apabila berkurangan berbanding sebelumnya.



PENIAGA ikan, Azmi Abu Bakar berdepan kesukaran sepanjang PKP dilaksanakan apabila jumlah pelanggan berkurangan di Pasar Tani Larkin, Johor. - UTUSAN/MOHAMAD FAIZAL HASHIM

Jika sebelum ini mampu meraih hasil jualan lebih RM1,000 sehari, kini ia makin berkurangan setelah masa operasi turut dipendekkan sehingga pukul 2 petang sahaja," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Bagi menampung hasil jualan yang menyusut, Azmi memberitahu dia turut menyediakan


perkhidmatan penghantaran ikan laut dalam termasuk sotong dan udang ke pintu rumah buat pelanggan yang tidak berkesempatan untuk ke pasar.

Peniaga, Rosdi Abu Bakar, 50, pula berkata, dia tidak ada pilihan selain akur dengan keputusan yang dibuat pihak kerajaan dalam usaha memutuskan ranta-

ian penularan wabak Covid-19 di negeri ini.

Katanya, disebabkan tempoh PKP dilanjutkan lagi, dia tidak mahu menanggung risiko dengan mengambil sayur-sayuran dalam jumlah yang besar bagi meminimumkan jumlah kerugian ditanggung disebabkan kuasa membeli yang berkurangan.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			



LORI membawa 100 guni benih kerang yang cuba diseludup. Gambar kecil, benih kerang.

100 guni RM150,000

Lelaki cuba seludup benih kerang ke negara jiran

Oleh Amirul Aiman
Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Sekinchan

Cuba seludup keluar 100 guni berisi benih kerang seberat lebih 1 tan bernilai RM150,000 dari negeri ini menggunakan lori.

Bagaimanapun tindakan lelaki berasia 30-an itu berjaya digagalkan sepasukan anggota Cawangan Perlindungan Sumber Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan Selangor di Simpang Tiga, Sungai Lang di sini, kelmarin.

Suspek dipercayai cuba membawa keluar benih kerang dari perairan daerah ini untuk diseludup ke negara jiran.

Difahamkan setiap satu

guni benih kerang yang sudah mencapai saiz lebih dari 4 millimeter (mm) itu berharga RM500.

Pengarah Jabatan Perikanan Selangor Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, hasil pemantauan dan risikan anggotanya menggesa sebuah lori yang dipandu dalam keadaan mencurigakan di lokasi kejadian.

Beliau berkata, anggotanya menahan lori itu pada jam 12.20 tengah hari dan hasil pemeriksaan menemui 100 guni benih kerang di bahagian belakang kenderaan berat itu. "Kita percaya benih kerang ini dibawa tanpa sebarang dokumen yang sah dari Jabatan Perikanan Malaysia selain disyaki mahu dibawa keluar dari negeri ini.

"Benih kerang, lori dan pemandu dibawa ke Pusat Tahanan Vesel Kuala Selangor untuk tindakan lanjut mengikut Peraturan 4 (1) Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002," katanya.

Beliau berkata, anggaran nilai rampasan berjumlah RM150,000.

Sehubungan itu, Abdul Rahman memberi amaran kepada orang ramai terutama nelayan supaya tidak terbabit dalam kegiatan mencuri benih kerang.

"Orang ramai atau nelayan yang mempunyai maklumat sahih berhubung kegiatan mencuri anak dan benih kerang diminta melaporkan kepada pejabat perikanan daerah.

"Kami akan terus memantau rapi kegiatan haram ini dan bersedia menahan sesiapa sahaja yang terbabit," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		16	25/1/21
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

Bangkai anak ikan yu paus



BANGKAI seekor anak ikan yu paus spesies *Rhincodon Typus* seberat 1.5 tan ditemui terapung di kawasan perairan Pulau Pangkor, Jumaat lalu. Ketua Cawangan Mamalia Marin Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, Mohd Tamimi Ali Ahmad berkata, ikan jantan sepanjang 5.7 meter dan dipercayai berumur lima tahun itu ditemui nelayan jam 3 petang.

Katanya, pihaknya bersama FRI-Kampung Aceh dan juga My Komuniti Perikanan Teluk Senangin menggerakkan operasi mencari bangkai terbabit sebelum ditemui jam 6.30 petang berhampiran Jeti Damar Laut.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				17	28/1/21
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL					

Nelayan ceroboh guna bot pendaftaran palsu

KUALA TERENGGANU — Taktik 16 nelayan Vietnam menceroboh perairan negara dengan menggunakan bot pendaftaran palsu tidak kesampaian apabila berjaya dikesan Maritim Malaysia (APMM) pada kelmarin.

Kedua-dua bot yang dinaiki kesemua nelayan asing berkenaan berjaya ditahan kapal peronda, Kapal Maritim (KM) Langkawi di dua lokasi berasingan iaitu 93 dan 118 batu nautika dari timur laut Kuala Terengganu pada pukul 4 petang.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd. Ramli berkata, pemeriksaan mendapati walaupun bot nelayan Vietnam itu

dicat menyerupai milik tempatan tetapi ia tidak mempunyai dokumen sah untuk menangkap ikan di perairan negara.

“Kesemua 16 nelayan termasuk seorang tekong berusia dalam lingkungan 18 hingga 62 tahun juga tidak memiliki dokumen pengenalan dan permit kerja sah.

“Sehubungan itu, APMM telah menyita dua bot, peralatan menangkap ikan, hasil laut dan minyak diesel berkenaan yang dianggarkan bernilai RM3 juta,” katanya di sini semalam.

Muhammad Suffi berkata, kesemua barang sitaan telah ditunda ke jeti Pejabat Maritim Terengganu di sini untuk siasatan lanjut.



DUA bot nelayan Vietnam yang ditahan APMM selepas menceroboh perairan negara di perairan Kuala Terengganu kelmarin.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		28	26/1/21
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

Yu paus 1.5 tan ditemui mati, sirip dipotong

LUMUT - Bangkai ikan yu paus sepanjang 5.7 meter dengan kesan sirip kannya dipotong ditemui terapung di perairan Sungai Dinding, Sitiawan di sini pada Sabtu.

Malah hasil bedah siasat yang dijalankan mendapati perut mamalia atau nama saintifiknya, *Rhincodon typus* itu mempunyai plastik dan ranting kayu.

Ketua Cawangan Mamalia Marin Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, Mohd Tamimi Ali Ahmad berkata, kedua-dua faktor tersebut disyaki menjadi punca kematian yu paus itu.

Bagairmanapun, menurutnya, punca sebenar kematian ikan seberat 1.5 tan itu masih dalam siasatan.

"Bangkai mamalia yang masih juvenil itu ditemui nelayan sekitar jam 3

petang pada Jumaat dan anggota Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Kampung Acheh dan myKomuniti Perikanan (myKP) Teluk Senangin digerakkan untuk mencari bangkai mamalia itu.

"Usaha mencari bangkai ikan itu mengambil masa dua hari kerana terperangkap di kawasan bakau dan ia diperlakukan sudah mati sejak empat hari lalu," katanya di sini pada Ahad.

Mohd Tamimi berkata, mamalia itu dikategorikan spesies marin terancam berikutan populasinya antara seekor hingga tiga ekor dan biasa ditemui di perairan Pulau Sembilan, Bagan Datuk.

"Kita khawatir sirip ikan itu hilang disebabkan tindakan individu yang tidak bertanggungjawab kerana nilai pasaran yang tinggi untuk dijadikan makanan eksotik," katanya.

FOTO: IHSAN PEMBACA



Yu paus ditemui mati dengan kesan sirip dipotong di perairan Sungai Dinding, Sitiawan.